



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA  
JABATAN PENGURUSAN HASIL  
TINGKAT 14, BLOK 9  
KOMPLEKS BANGUNAN KERAJAAN,  
JALAN DUTA  
50600 KUALA LUMPUR

Telpon: 03- 62091000  
Faks: 03-62039592  
Laman Web: [www.hasil.org.my](http://www.hasil.org.my)

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : LHDNM.01/32/193/31

Tarikh : 16 April 2008

Pengarah Eksekutif,  
Institut Percubaan Malaysia (MIT),  
Unit B-13-2, Block B, 13th Floor, Megan Avenue II,  
No. 12, Jalan Yap Kwan Seng,  
50450 Kuala Lumpur.

Tuan,

### **PENGEMUKAAN BORANG R31**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada surat tuan bertarikh 7 April 2008 berkenaan perkara tersebut.

#### **2. Seksyen 45(1)(b) Akta Kewangan 2007**

Undang-undang akan dipinda. Semua syarikat yang tempoh asas berakhir pada hari selain 31 Disember dikehendaki mengemukakan Borang R31, tidak perlu sama ada dividen dibayar atau tidak dalam tempoh dari hari pertama temuih asas bagi Tahun Taksiran 2008 hingga 31 Disember 2007.

Syarikat yang tempoh asas berakhir pada 31 Disember tidak perlu mengemukakan Borang R31.

#### **3. Baki Kredit Dibawa Hadapan dari Borang R bagi Tahun Taksiran 2007 (Ruang-ruang A1a dan A1b)**

Surat kepada pihak tuan bertarikh 9 April 2008 dirujuk.

#### **4. Bayaran Pendahuluan yang dibuat pada atau sebelum 7 September 2007 bagi ansuran cukai yang sepatutnya dibayar selepas 31 Disember 2007 (Ruang A2b)**

Dalam konteks 'cukai yang dibayar', hanya liabiliti cukai yang terbit dalam tempoh dari hari pertama tempoh asas bagi Tahun Taksiran 2008 hingga 31 Disember 2007 sahaja yang boleh diambil kira.

Kementerian Kewangan memberi konsesi untuk mengambil kira juga liabiliti cukai (ansuran cukai) yang terbit selepas 31 Disember 2007.

#### **5. Kredit Cukai Seksyen 110 bagi dividen yang diterima pada atau sebelum 7 September 2007 (Ruang A3)**

Cadangan pihak tuan berkenaan pemakluman pindaan ke atas nota penetapan diambil perhatian.

**6. Kes-kes Spesifik**

Permohonan untuk melanjutkan lagi tempoh pengemukaan Borang R31 bagi kes-kes tertentu tidak dapat dipertimbangkan dan surat kepada pihak tuar bertarikh 9 April 2008 adalah berkaitan.

Hanya syarikat bermastautin di Malaysia (termasuk syarikat bermastautin di Singapura yang membayar cukai Malaysia) yang tempoh asas berakhir pada hari 31 Disember dikehendaki mengemukakan Borang R31.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"  
"MESRA, MEMBANTU, MEMUASKAN"**

  
**( MOHAMMAD SAIT BIN AHMAD )**  
Pengarah Jabatan Pengurusan Hasil  
b.p. Ketua Pegawai Eksekutif/Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia